

AKHBAR : BERITA HARIAN

Sultan Selangor nikah pembaca berita

⇒ Majlis ringkas diadakan pada 31 Ogos lalu

Oleh Norzamira Che Noh

bhnews@bh.com.my

► Shah Alam

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bernikah dengan pembaca berita RTM, Norashikin Abdul Rahman di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang pada 31 Ogos lalu.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Munir Bani, berkata Sultan Sharafuddin dan Norashikin dinikahkan oleh Mufti Selangor, Datuk Setia Mohd Tamyes Abdul Wahid dalam majlis pernikahan yang segerhana dan ringkas atas titah baginda.

Munir berkata, majlis itu turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Selangor, Dr Anhar Opir; Imam Paduka Mohd Rasid Mahful; Bekas Timbalan Mufti Selangor, Datuk Abdul Majid Omar; Ahli Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Salehudin Saidin dan bapa serta anggota keluarga pengantin perempuan.

Sultan Sharafuddin dilahirkan di Istana Jema'ah Klang (kini Kolej Islam Sultan Alam Shah) pada 24 Disember 1945.

Ini adalah pernikahan ketiga Sultan Selangor selepas mendirikan rumah tangga dengan Raja Zarina Raja Tan Sri Zainal pada 1968 tetapi bercerai pada 1986 dan kemudian berkahwin dengan Puan Nur Lisa Abdullah tetapi bercerai pada 1997.

Baginda mempunyai dua puteri dan seorang putera iaitu Tengku

Zerafina, 47, Tengku Zatashah, 43, hasil perkahwinan dengan Raja Zarina dan Tengku Amir Shah (kini Raja Muda Selangor), 26.

Tengku Amir Shah zahir kegembiraan

Sementara itu, Tengku Amir Shah menerusi laman sosial Instagram milik baginda 'rmselangor' menzhirkkan kegembiraan dengan pernikahan itu.

Baginda turut memuat naik gambar bersama ayahandanya itu serta menggambarkan keakraban hubungan mereka adalah sama seperti orang lain.

"Dia memberi beta kehidupan, berkorban untuk beta, membesarkan beta menjadi seorang lelaki, memimpin beta di saat memerlukan dan menjadi contoh terbaik kepada beta untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat," tulis baginda.

Tengku Amir Shah menggambarkan ayahandanya itu sebagai seorang lelaki yang kuat semangat, pejuang yang berani, Sultan yang bijaksana dan disayangi rakyat.

"Tiada apa yang boleh diucap selain kagum dengan lelaki ini yang beta panggil ayahanda. Beta akan sentiasa menyokong dan berada di belakang ayahanda dan berbangga menjadi anakmu. Alhamdulillah dan tahniah ayahanda! Beta adalah orang yang paling gembira," tulis baginda.